

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[INTEGRATION OF ENVIRONMENTAL ECOLOGY THEORY IN  
UNDERSTANDING EDUCATION REVOLUTION 4.0]**

**PENGINTEGRASIAN TEORI EKOLOGI PERSEKITARAN DALAM MENDEPANI  
REVOLUSI PENDIDIKAN 4.0**

RAIHAN MOHD ARIFFIN<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

\*Corresponding author: raifad5566@gmail.com

Received Date: 7 April 2020 • Accepted Date: 29 Sept 2020

**Abstract**

*The ecological theory of the environment plays an important role in the development and characterization of an individual's character. This theory will show the process of development that develops between the individual and the environment. The character of an individual will result from the influence of the surrounding environment such as family, friends, school, teachers, workplace and so on. This paper will discuss the integration of environmental ecological theory into aspects of Islamic and Western thought in understanding of educational revolution 4.0. The ecological theory of the environment will be based on Bronfenbrenner's ecological theory and Ibn Khaldun's ecological theory. Studies on three aspects of activity, role models, and practice will be detailed. This research method uses document analysis based on the book of memoirs by Ibn Khaldun as well as Bronfenbrenner's writings. As a result of this study, it is found that these three aspects are in line with human needs regardless of race and religion. Therefore, this study is seen as contributing to the theory and can serve as a new reference and concept to society. Implications of this study apply the theory of the environment not only in education, but in all fields.*

*Keywords: Educational Revolution, Integration, Ecological Theory of the Environment.*

**Abstrak**

Teori ekologi persekitaran berperanan penting dalam perkembangan dan pembentukan karakter seseorang individu. Teori ini akan menunjukkan proses perkembangan yang terbentuk antara individu dan juga persekitaran. Karakter seseorang individu akan terhasil daripada pengaruh persekitaran sekeliling seperti keluarga, rakan, sekolah, guru, tempat kerja dan sebagainya. Kertas ini akan membincangkan pengintegrasian teori ekologi persekitaran dalam aspek pemikiran Islam dan barat dalam mendepani revolusi pendidikan 4.0. Teori ekologi persekitaran ini akan dikupas berdasarkan teori ekologi persekitaran Bronfenbrenner dan juga teori ekologi persekitaran Ibnu Khaldun. Penelitian terhadap tiga aspek iaitu aktiviti, teladan, dan juga amalan

akan diperincikan. Metode kajian ini menggunakan analisis dokumen berdasarkan kitab mukadimah oleh Ibnu Khaldun dan juga hasil penulisan Bronfenbrenner. Hasil daripada kajian ini, didapati tiga aspek mempunyai persamaan serta selari dengan keperluan manusia tanpa mengira bangsa dan agama. Oleh itu, kajian ini dilihat dapat memberi satu sumbangan teori serta dapat dijadikan rujukan dan konseptual baru kepada masyarakat. Implikasi kajian ini dapat diaplikasikan teori persekitaran ini bukan hanya dalam bidang pendidikan, malah dalam semua bidang.

**Kata kunci:** Revolusi Pendidikan, Pengintegrasian, Teori Ekologi Persekitaran.

**Cite as:** Raihan Mohd Ariffin. 2020. Pengintegrasian Teori Persekitaran Ekologi Persekitaran dalam mendepani Revolusi Pendidikan 4.0. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 135-148.

## PENGENALAN

Dalam mengejar revolusi pendidikan 4.0, kebangkitan teori dalam sistem ekologi juga mempunyai pandangan yang amat luas. Teori ini dipertontonkan dalam teori ekosistem terutama berkaitan dengan unit yang terdiri daripada komuniti organisma yang pelbagai spesies dan persekitaran masyarakat. Komponen sistem dilihat berinteraksi antara satu sama lain. Ekologi merupakan satu kajian tentang hubungan antara organisma hidup termasuk manusia, dan persekitaran fizikal mereka. Ia bertujuan untuk memahami hubungan penting antara tumbuhan, haiwan dan dunia di sekelilingnya. Ekologi juga menyediakan maklumat tentang manfaat ekosistem dan bagaimana kita boleh menggunakan membentuk karakter seseorang individu untuk melahirkan generasi akan datang yang mempunyai personaliti yang holistik dalam pelbagai bidang.

Revolusi pendidikan 4.0 telah mewarnai cara hidup dan tindakan masyarakat dunia pada masa kini. Oleh itu, Semua pihak harus bertindak pantas seiring dengan perkembangan pesat teknologi pendidikan dan sistem automasi yang lebih pintar. Jika diteliti, hampir kesemua aspek kehidupan seharian yang menggunakan teknologi maklumat (IT). Sebagai contoh penggunaan barang elektrik di rumah seperti televisyen pintar, robot vakum, papan putih pintar, telefon pintar, kereta pintar, dan banyak lagi elemen pintar lain yang digunakan dalam kehidupan seharian bagi memudahkan lagi urusan kerja melalui industri 4.0.

Revolusi Industri 4.0 juga terlibat dalam sektor pendidikan walau pun sedikit lambat berbanding dengan sektor lain seperti pembuatan, perkilangan, perhotelan dan sebagainya. Sektor pendidikan tidak terkecuali dan sektor ini akan menjadi penerima manfaat yang terbesar. Walau bagaimana pun, perubahan ini akan memerlukan organisasi sektor perkilangan untuk menerima perubahan dan berkembang dengan menghasilkan cara inovatif untuk meningkatkan pengeluaran. Dengan kata lain, pengeluar perlu menggunakan teknologi yang inovatif serta tangkas pada masa yang sama dan menambah tenaga kerja manusia.

Tidak dinafikan bahawa penggunaan teknologi masa kini dapat membantu para pendidik dalam menyampaikan ilmu dengan lebih mudah serta menjimatkan masa. Dengan memberi capaian atas talian, memasang video yang telah di rekod sudah mampu menyampaikan ilmu kepada pelajar. Tujuan utama penggunaan teknologi adalah untuk mengurangkan

kebergantungan pada interaksi manusia sejauh operasi yang bersangkutan dan meningkatkan kualiti interaksi manusia pada masa yang sama. Ringkasnya, penggunaan teknologi yang canggih secara sepenuhnya tidak mampu untuk mendidik manusia menjadi insan yang kamil. Malah teknologi telah mengambil alih tugas manusia dalam mendidik serta mentarbiyah generasi masa kini. Mesin itu tidak boleh membetulkan kesilapan sendiri. Interaksi manusia terutamanya diperlukan dan dilihat dalam aspek kritikal membuat keputusan mengenai pembaikan & penyelenggaraan.

Dalam mengejar revolusi pendidikan 4.0, kebangkitan teori dalam sistem ekologi juga mempunyai pandangan yang amat luas. Teori ini dipertontonkan dalam teori ekosistem terutama berkaitan dengan unit yang terdiri daripada komuniti organisma yang pelbagai spesies dan persekitaran masyarakat. Komponen sistem dilihat berinteraksi antara satu sama lain. Ekologi merupakan satu kajian tentang hubungan antara organisma hidup termasuk manusia, dan persekitaran fizikal mereka. Ia bertujuan untuk memahami hubungan penting antara tumbuhan, haiwan dan dunia di sekelilingnya. Ekologi juga menyediakan maklumat tentang manfaat ekosistem dan bagaimana kita boleh menggunakan sumber bumi dengan cara mengekalkan alam sekitar yang sihat untuk generasi akan datang.

Elemen persekitaran amat penting dalam kehidupan kerana elemen ini akan memberi kesan yang besar terhadap pelbagai aspek. Antara aspek-aspek yang terkesan daripada elemen persekitaran ini adalah masalah tingkah laku (Muhammad Faizal, Fariza, Husaina, Saedah, Zuraidah, Faisol, Maszuria, & Amalina 2017), masalah disiplin pelajar (Sheldon & Epstein 2002), LGBT (Mcguire 2010), kes buli (Usman 2013; Low & Van 2014), stres dan kemurungan (Malinen & Savolainen 2016), dan sebagainya. Teori ekologi persekitaran perlu dikaji dengan lebih teliti sebagai panduan atau 'roadmap' dalam mengkaji berkaitan faktor persekitaran dan juga iklim sekolah.

Iklim sekolah secara tidak langsung akan membentuk karakter warganya. Para sarjana barat telah mendapati bahawa sebanyak 87% pelajar amat bergantung dengan persekitaran yang sebenar, manakala 46.1% merupakan proses individu tersebut berinteraksi dengan persekitaran sekeliling mereka (Matthew, Kristy, & Anne, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa iklim sekolah dan persekitaran sekelilingnya amat mempengaruhi proses pembentukan jati diri seseorang pelajar.

Apa yang dimaksudkan dengan pengintegrasian di sini adalah gabungan dua teori iaitu Islam dan Barat yang boleh disatukan menjadi satu teori yang mantap serta boleh diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat. Persekitaran perlu dipupuk dengan cara hidup yang lengkap serta berlandaskan ajaran Islam. Dengan adanya pengintegrasian teori ekologi persekitaran ini, secara tidak langsung akan dapat memupuk nilai-nilai kerohanian dalam diri pelajar tanpa mengecualikan hal-hal lain. Sebagai contoh di sekolah-sekolah tahfiz sains seperti Imtiyaz, MRSM Ulul Albab yang menghafal 30 juzuk al-Quran tanpa mengecualikan pembelajaran subjek lain seperti bahasa Inggeris, matematik, kimia, biologi dan sebagainya. Para pelajar juga mampu mendapat keputusan yang cemerlang dengan menggunakan sistem pendidikan yang dualistik. Malah ia menjadi lebih baik lagi berbanding pelajar dari sekolah biasa kerana mempunyai pakej yang lengkap ilmu dunia dan akhirat.

Dalam proses penyediaan suasana keagamaan di sekolah khususnya bagi pelajar sekolah menengah agama, penerapan nilai-nilai yang baik seperti kasih sayang, hormat menghormati, kegembiraan dan tanggungjawab haruslah dipupuk dalam suasana sekolah

supaya tidak timbul isu ponteng sekolah, masalah tingkah laku, dan sebagainya (Hasnan, 2018). Nilai-nilai ini selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memperkenalkan dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik baru-baru ini. Perkara ini secara tidak langsung dapat membentuk satu iklim sekolah yang positif dalam kalanganarganya. Sebagai contoh, para pelajar akan berasa gembira sepanjang keberadaan mereka di sekolah dengan adanya nilai saling berkasih sayang dan hormat menghormati antara satu sama lain. Mereka akan merasakan sangat rapat antara mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah buli, dan ponteng sekolah apabila mereka merasai sendiri nilai-nilai tersebut.

Selain itu, para pelajar juga seharusnya dipupuk dengan sifat Muraqabah iaitu merasakan Allah sentiasa ada di hati mereka dan sentiasa memerhatikan apa yang sedang mereka lakukan. Jika Allah SWT sentiasa ada dalam hati mereka, para pelajar tidak akan melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti membuli kawan, tidak menghormati guru, ponteng sekolah dan sebagainya. Kesedaran kewujudan Allah SWT sedang memerhatikan dalam setiap tindakan akan memberi kesan kepada tingkah laku dan amalan seharian pelajar.

Secara sedar atau tidak cara hidup dan tindakan kita ditentukan oleh teknologi revolusi ini. Justeru, mereka yang tidak mahu berubah akan diganggu dan ditinggalkan oleh teknologi baharu. Kepsatan teknologi sekarang bergerak begitu pantas dan seluruh dunia sedang bergelut untuk mencipta dan pencetus dalam menguasai teknologi ini. Pendidikan di Malaysia sepatutnya menggunakan peluang dan ruang sepenuhnya dan bergerak aktif menggunakan Revolusi 4.0. Sekiranya cabaran teknologi baharu yang kompleks itu tidak diberi penekanan sewajarnya, ia boleh menyebabkan Malaysia jauh ketinggalan dalam persaingan di peringkat global.


Sehubungan itu, sistem pendidikan tinggi di seluruh negara juga akan mengalami perubahan hasil Revolusi Industri 4.0. Kita memerlukan institut pendidikan tinggi yang lebih fleksibel dan bersedia mengharungi cabaran baharu agar mana-mana golongan masyarakat tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital. Malaysia selaku negara pertama merangka elemen cabaran Industri 4.0 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Inisiatif Malaysia sebagai satu langkah ke hadapan, apabila pelan pembangunan pendidikan tinggi yang merangkumi 10 lonjakan itu sebagai rangka kerja naratif sangat baik bukan sahaja untuk masa depan tetapi hari ini. Idea yang dipraktikkan Malaysia merupakan langkah paling inovatif untuk menentukan bagaimana negara akan menjadi pemain signifikan dalam ekonomi global pada masa hadapan. Justeru, bidang pendidikan adalah teras dalam menghadapi cabaran baharu era Revolusi Industri 4.0.

## **PENGUNAAN TEORI EKOLOGI PERSEKITARAN MENURUT IBN KHALDUN**

Dalam mendepani era revolusi 4.0 ini, penggunaan teori ekologi perlu dititik beratkan bagi menghasilkan pelajar yang holistik dari aspek akademik mahupun sahsiah. Para pemikir Islam sejak berdekad dahulu sudah melihat cabaran persekitaran sebagai isu yang perlu di kaji untuk pembentukan generasi seterusnya. Ibnu Khaldun ada menyatakan bahawa “Barang siapa tidak terdidik oleh orang tuanya, maka akan terdidik oleh zaman.” (Ibnu Khaldun 1994, 2006) Ini menunjukkan bahawa betapa besarnya pengaruh persekitaran mengikut peredaran zaman.

Perkembangan seseorang individu amat berkait rapat dengan peredaran zaman. Jika dilihat pada perkembangan hari ini, majoriti kanak-kanak yang baru lahir sudah terdedah dengan gajet berbanding dengan kanak-kanak pada dekad yang lalu. Malah tidak hairanlah kanak-kanak yang baru berumur setahun pun sudah pandai menggunakan telefon pintar untuk melihat video lagu kanak-kanak ataupun untuk tujuan pembelajaran. Walau apa pun alasan penggunaan gajet ini, ibu bapa seharusnya memantau serta melihat sistem ekologi persekitaran ini sebagai faktor penting dalam mendidik anak-anak.

Menurut Ibnu Khaldun lagi, teori ekologi persekitaran ini juga melibatkan peradaban manusia dalam membentuk akhlak manusia. Kesilapan mendidik anak-anak sejak dari kecil akan merosakkan aset negara dan juga saham akhirat. Oleh itu, penjagaan persekitaran yang baik amat penting untuk didikan yang sempurna. Tumbesaran dan akhlak seseorang individu akan terbentuk hasil daripada perkembangan persekitarannya sama ada dengan keluarga, rakan-rakan, guru, jiran dan komuniti. Orang sekeliling akan menjadi teladan buat mereka kerana kanak-kanak merupakan pemerhati yang baik. Mereka mudah meniru apa sahaja orang sekelilingnya lakukan sehingga membentuk sikap dalam dirinya.



Rajah 1: Teori Ekologi Persekitaran Ibnu Khaldun

## **PENGGUNAAN TEORI EKOLOGI PERSEKITARAN MENURUT TEORI BRONFENBRENNER**

Urie Bronfenbrenner (29 April 1917 - 25 September 2005) merupakan seorang ahli psikologi Amerika kelahiran Rusia yang paling terkenal dengan teori ekologi (Bronfenbrenner, 1979). Beliau bekerja dengan kerajaan Amerika Syarikat untuk membantu pembentukan program permulaan pada tahun 1965. Keupayaan penyelidikan Bronfenbrenner adalah kunci untuk mengubah perkembangan perspektif psikologi dengan memberi perhatian kepada banyak pengaruh iaitu terhadap persekitaran, masyarakat dan juga perkembangan kanak-kanak. Bronfenbrenner melihat proses perkembangan manusia yang dibentuk oleh interaksi antara individu dan persekitarannya (Bronfenbrenner, 1979). Laluan khusus perkembangan seseorang individu adalah hasil daripada pengaruh persekitaran seseorang, seperti ibu bapa, kawan, sekolah, kerja, budaya, dan sebagainya (Bronfenbrenner, 1979).

Pada masa itu, beliau melihat perkembangan psikologi hanya mempelajari pengaruh individu terhadap perkembangan dalam keadaan luar biasa. Beliau juga berpendapat, perkembangan psikologi adalah sains tingkah laku kanak-kanak atau orang dewasa dalam situasi yang pelik untuk jangka masa yang paling singkat (Bronfenbrenner 1979).

Bronfenbrenner membayangkan teori perkembangan manusia merupakan teori ekologi sistem. Dalam teori beliau menyatakan bahawa terdapat banyak tahap pengaruh alam sekitar yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Ia bermula dari sesama manusia dan seterusnya institusi yang secara langsung akan mempengaruhi budaya sesuatu tempat (Bronfenbrenner 1979). Kemudian menyumbang pengaruh masa, seperti peristiwa-peristiwa tertentu dan perubahan dalam budaya dari waktu ke waktu, dengan menambahkan kronosistem dalam teori (Berger 2012). Tambahan pula, beliau akhirnya menamakan semula teorinya model bioekologi untuk mengenali kepentingan proses biologi dalam pembangunan dengan lebih meluas (Ceci 2006). Walau bagaimanapun, beliau hanya mengiktiraf biologi sebagai menghasilkan potensi seseorang. Seterusnya, dengan potensi ini dapat dicapai atau tidak melalui kuasa alam sekitar dan sosial (Ceci 2006).

Teori sistem ekologi Bronfenbrenner memfokuskan pada kualiti dan konteks persekitaran bermula sejak dari zaman kanak-kanak. Beliau menyatakan bahawa apabila kanak-kanak berkembang dan berinteraksi dalam persekitaran ini, ia menjadi lebih kompleks (Bronfenbrenner 1979). Kerumitan ini boleh timbul apabila struktur fizikal dan kognitif kanak-kanak berkembang dengan matang dan faktor persekitaran amat mempengaruhi tumbesarnya pada peringkat seterusnya. Sebagai contoh persekitaran yang sihat peringkat remaja seperti mempunyai keluarga yang mengambil berat, rakan-rakan yang rajin serta bersikap positif, guru-guru yang sangat membantu akan menyebabkan tumbesaran seseorang remaja tersebut bertambah matang dan lebih bijak dalam mengenal pasti baik buruk sesuatu keadaan.

Sistem ekologi juga dikenali sebagai perkembangan dalam konteks teori ekologi manusia. Teori ini menawarkan rangka kerja di mana ahli psikologi komuniti mengkaji hubungan individu dalam masyarakat dengan lebih luas. Teori ini semakin berkembang mengikut konteks pembahagiannya yang mana individu tersebut berinteraksi. Teori ekologi persekitaran Bronfenbrenner terbahagi kepada lima sistem alam sekitar. Teori ekologi berpendapat bahawa kita menghadapi persekitaran yang berbeza sepanjang hayat kita yang mungkin mempengaruhi tingkah laku kita dalam pelbagai peringkat. Sistem ini terbahagi kepada lima sistem iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Sistem-sistem ini merupakan perkaitan atau kesinambungan yang dikaitkan dengan persekitaran dan hubungan interaksi pelajar itu sendiri. Oleh itu, teori ini merupakan kepercayaan berasaskan kepada kajian mendalam yang mengaitkan hubungan pelajar dengan persekitaran mereka sama ada dengan masyarakat, pengaruh alam sekitar, iklim, budaya dan bahasa, kepercayaan dan lain-lain.

Tinjauan rangka kerja sistem ekologi memudahkan pengorganisasian maklumat mengenai orang dan persekitaran mereka untuk saling memahami hubungan mereka. Individu bergerak melalui siri peralihan kehidupan, yang semuanya memerlukan sokongan persekitaran dan kemahiran mengatasi. Masalah sosial yang melibatkan penjagaan kesihatan, hubungan keluarga, pendapatan tidak mencukupi, kesulitan kesihatan mental, konflik dengan agensi penguat kuasa undang-undang, pengangguran, kesulitan pendidikan, dan lain-lain. Semua masalah tersebut boleh diselaraskan di bawah model ekologi dengan menilai faktor yang relevan dengan masalah tersebut (Hepworth, Rooney, Strom-Gottfried, & Larsen, 2010). Oleh itu, mengkaji konteks teori ekologi persekitaran sejak dari awal perkembangan seseorang individu adalah sangat penting untuk mengenal pasti punca masalah berlaku. Dengan menggunakan rangka ekologi Bronfenbrenner (1977, 1979), artikel ini menerangkan perkaitan

atau peranan teori ekologi persekitaran supaya mendapat garis panduan yang khusus untuk membina satu iklim budaya yang positif dalam kalangan warga sekolah, komuniti, masyarakat dan ummah dengan menggunakan pengintegrasian teori dengan lebih terperinci.



Rajah 2: Teori Ekologi Bronfenbrenner

## KONSEP EKOLOGI PERSEKITARAN DALAM PENDIDIKAN

Konsep pendidikan era revolusi kini sudah banyak yang berubah. Perubahan ini bukan hanya dari aspek fizikal dan material, malah perubahan cara berfikir, cara perkembangan ilmu juga turut berubah. Para pelajar generasi kini sudah berfikiran jauh ke depan. Pendekatan yang perlu digunakan juga mestilah berteraskan teknologi supaya dapat menarik minat penerimaan mereka terhadap sesuatu ilmu (Kail & Cavanaugh, 2010). Generasi millennial kini juga lebih bersikap terbuka dan tidak suka terikat dengan banyak peraturan. Mereka lebih sukakan kebebasan untuk melakukan apa yang mereka suka. Apa yang membimbangkan ialah jika mereka tersalah pilih rakan dan memilih jalan yang salah. Oleh sebab itu, persekitaran memainkan peranan penting untuk membentuk jati diri pelajar agar selari dengan kehendak mereka tanpa mengabaikan ajaran Islam.

Teknologi juga membantu masa pembelajaran di sekolah untuk menjadi aktif dan lebih menarik dengan menggunakan video yang mewakili perkembangan sesuatu perkara, fenomena, dari visual yang terang yang membawa kepada pemikiran abstrak dan sangat sukar untuk melupakan pelajaran. Ia hanya memerlukan watak belajar sendiri dari para pelajar, dan guru harus berusaha menerapkan teknologi untuk masa sekolah. Dari permulaan abad ke-21, syarikat teknologi besar seperti Google, Apple telah membuat banyak peralatan dan perisian pintar untuk digunakan untuk latihan, peranti ini membantu untuk membangunkan pemikiran dan merangsang kreativiti pelajar. Pembelajaran tidak lagi semata-mata melaksanakan pena di atas kertas, pada masa kini kita boleh melakukan segala-galanya pada peranti elektronik. Salah satu kejayaan dalam teknologi sains ialah pengenalan dan pembangunan peranti pintar seperti telefon pintar, televisyen Pintar yang membantu orang ramai menikmati kemudahan era Internet, menyumbang untuk memenuhi keperluan hiburan di samping dapat meningkatkan produktiviti pengendalian dalam pembelajaran.

## AKTIVITI PENCETUS SUASANA HARMONI

Perancangan dan pengendalian aktiviti yang jelas dan sistematik perlu diambil kira dalam memberikan hasil yang baik. Objektif utama pencapaian harus di tonjolkan agar pelajar mengetahui dengan jelas apa yang seharusnya di lakukan. Penglibatan dalam aktiviti sosial, komunikasi, dan kerjasama antara warga sekolah amat penting dalam membentuk jati diri warganya (Horton & Hunt 1964). Perkembangan sosial dan kemahiran seseorang pelajar akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku nya.

Para cendekiawan Islam juga amat mementingkan aktiviti sebagai strategi untuk membentuk suasana atau persekitaran yang baik dalam kehidupan. Sebagai contoh, berpuasa sunat, solat berjemaah di awal waktu, bertadarus, berzikir dan lain-lain aktiviti dapat memupuk pelajar ke arah yang lebih baik dan diredai Allah SWT (Ibnu Khaldun 1967, 1993). Seterusnya aktiviti-aktiviti yang diamalkan ini akan menjadi amalan seharian mereka yang secara tidak langsung membentuk akhlak yang mulia dalam diri pelajar. Hasil daripada aktiviti yang dijalankan mampu membentuk pelajar lebih berdikari, rasa takutkan Allah SWT, bekerjasama, serta mampu bertindak dalam menyelesaikan masalah hidup dengan baik berlandaskan cara hidup Islam.

Proses pentarbiahan berlaku bukan hanya semasa proses pengajaran pendidikan Islam di dalam kelas semata-mata tetapi ia juga melibatkan pelajar dalam bidang kokurikulum khususnya aktiviti keagamaan yang menjadi medan pembinaan dan penyuburan insan yang seimbang (Masribanun Duki, 2004). Aktiviti keagamaan yang melibatkan pelajar dilaksanakan di sekolah-sekolah akan dapat memberi pengisian dan kesuburan jiwa dalam diri pelajar. Kefahaman berkaitan ajaran Islam juga akan lebih mantap dan pelajar akan menjiwai nilai-nilai agama dengan lebih mendalam. Ab Halim Tamuri (2003) telah menjalankan kajian berkaitan kepentingan pelaksanaan aktiviti keagamaan di sekolah. Kajian beliau mendapati majoriti pelajar bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah berjaya membentuk semangat setia kawan sesama mereka. Ini bermakna aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berjaya mewujudkan suasana interaksi sosial yang positif dalam kalangan pelajar terutamanya yang tinggal di asrama.

Menurut Ibnu Khaldun (1967, 1993) lagi, cara untuk melawan hawa nafsu dan godaan syaitan daripada melakukan perbuatan keji ialah dengan melakukan serta mengamalkan aktiviti seperti berzikir dengan khusyuk dan berpuasa sunat untuk beberapa waktu. Aktiviti ini secara langsung dapat memamatkan seluruh tuntutan jasmaniah yang ada dalam diri setiap individu. Oleh itu, jiwa yang sudah dijinakkan dengan zikir dan al-Quran akan lebih dekat dengan Allah SWT yang menjadi roh dalam setiap nafas kehidupan. Hal ini secara tidak langsung akan membentuk generasi rabbani di masa akan datang.

Perkembangan dunia teknologi hari ini menyebabkan kurangnya penglibatan pelajar dalam aktiviti sekolah. Perkara ini terjadi disebabkan oleh pelajar sudah kurang untuk membuat aktiviti sosial kerana banyak melibatkan diri dengan gajet, dan internet secara bersendirian sama ada di sekolah atau di rumah. Para pelajar sudah mula kurang aktif untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal di sekolah (Ahmad & Khalid 2017). Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan pelajar yang kurang bijak dalam aktiviti pembelajaran akan berhadapan dengan kesukaran membina pengetahuan sendiri kerana ia menjurus kepada pembelajaran yang kurang aktif (Azlina, Baharuddin, Hasnah, Norasykin, & Zaleha 2014).

Selain itu juga, dapatan kajian Raihan dan Kamarul Shukri (2018) juga mendapati pelaksanaan aktiviti yang terancang daripada pihak pentadbiran sekolah mampu mewujudkan iklim dini yang baik. Hasil kajiannya juga mendapati bahawa prestasi band sekolah yang cemerlang juga adalah hasil daripada perancangan aktiviti yang terancang dan terurus. Hal ini terbukti dengan sekolah kebangsaan di daerah Pekan yang mendapatkan prestasi cemerlang kebanyakannya mempunyai aktiviti yang terancang seperti mengamalkan bacaan doa di awal pagi, solat zuhur secara berjemaah sebelum pulang, sentiasa mengadakan aktiviti usrah dan sebagainya.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, jelaslah bahawa aktiviti memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan iklim dini di sekolah. Setiap aktiviti atau program yang bakal dijalankan perlu dirancang dengan teliti supaya matlamat yang dirancang tercapai dan dapat menghasilkan satu natijah yang baik untuk pelajar dalam membentuk akhlak yang mulia seterusnya menghasilkan kemenjadian pelajar yang unggul.

### **AMALAN MEMBENTUK KEPERIBADIAN UNGGUL**

Teori ekologi persekitaran Ibnu Khaldun (1967, 1993) amat menitik beratkan amalan dalam membentuk keperibadian seseorang. Hal ini kerana perilaku atau perbuatan persekitaran orang sekeliling akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak para pelajar. Selain perbuatan, peristiwa yang berlaku di sekeliling pelajar juga akan mempengaruhi amalan mereka. Sekiranya mereka berada dalam situasi yang baik, secara tidak langsung pelajar juga akan mencontohi amali yang baik tersebut dan begitulah sebaliknya sehingga terbentuk menjadi tabiat.

Walau bagaimanapun, proses mentarbiahkan pelajar untuk membentuk akhlak yang baik memerlukan usaha yang berterusan serta membuat latihan amali supaya dapat membiasakan diri dengan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi segala sifat yang terkeji (al-Attas 1980; Ghazali 1997). Justeru, untuk mengenal keaiban diri ialah dengan sentiasa bermuhasabah dan membuat refleksi diri untuk menyemak kembali apa yang telah dibuat sepanjang hari serta mengamalkan amalan-amalan harian seperti berzikir, membaca al-Quran dan memahami pengertiannya, qiamullail dan sebagainya.

Amalan-amalan ini merupakan salah satu cara untuk mencapai akhlak yang baik. Semua perbuatan dan tingkah laku dalam Islam dijadikan sebagai amalan harian mengikut prosedur-prosedur tertentu yang perlu dipatuhi oleh setiap umatnya sebagaimana dalam surah (As-Shams 91:7-10).

Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasiqan dan ketakwaan nya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, Dan Sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya. (As-Shams 91:7-10)

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut, jelas menyatakan bahawa fitrah semula jadi manusia dijadikan ada dua jalan iaitu baik dan jahat. Sesungguhnya manusia itu sendiri yang memilih jalan atau cara hidup mereka masing-masing dengan berpandukan didikan dan persekitaran yang terbina. Kesimpulannya manusia diciptakan dalam keadaan bersedia menerima kebaikan dan kejahatan. Sekiranya pendidikan yang baik diterimanya oleh anak, maka anak tersebut akan membesar dengan keimanan, akhlak mulia, dan cintakan kebaikan.

Pelaksanaan sesuatu amalan dalam kehidupan seharian menjadikan pembentukan rutin atau tabiat. Dalam manhaj al-Quran telah menetapkan bahawa ilmu yang diperoleh melalui proses ta'lim perlu dijadikan sebagai amalan. Amalan akan terbentuk setelah sesuatu perkara tersebut dilakukan setelah empat puluh hari. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran tersebut, seseorang akan sampai ke tahap kefahaman yang mantap dan jitu sebaik sahaja ilmu yang diperoleh melaluinya dilaksanakan dalam bentuk amalan (Janzarli 1991).

Kesimpulan berdasarkan teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura (1973) merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku (amalan) orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Sesuatu amalan (perbuatan) dalam masyarakat mempengaruhi kehidupan golongan mudanya. Justeru, dalam konteks pendidikan khususnya di sekolah setiap amalan (perbuatan) baik yang dilakukan oleh warganya akan menjadi ikutan yang membawa kepada penghayatan akhlak mulia yang dikehendaki oleh syariat.

## **TELADAN SEBAGAI PENGARUH PERSEKITARAN**

Medium pendidikan yang paling efektif dan berpengaruh adalah melalui contoh teladan yang baik. Seseorang Muslim akan mengikut keteladanan yang diperoleh dari pengaruh persekitarannya untuk dijadikan model atau dicontohi dalam menerapkan nilai-nilai positif untuk keperibadiannya. Sesungguhnya Rasulullah SAW adalah teladan yang paling baik untuk kita contohi. Kredibiliti yang ada pada Rasulullah SAW menjadi ikutan para sahabat dan pengikutnya dalam segala aspek kehidupan.

Ulwan (2015) telah menerangkan tentang contoh teladan Rasulullah SAW dengan mengatakan keteladanan dalam bidang pendidikan adalah satu metode yang berkesan dan paling meyakinkan keberhasilannya dalam mempersiapkan dan membentuk anak didik dalam didikan moral, spiritual dan sosial. Rasulullah SAW menekankan prinsip Qudwah Hasanah iaitu contoh teladan yang sesuai dengan isi kandungan pendidikan yang menekankan mata pelajaran akidah dan akhlak melalui metode yang diucapkan dan dilakukan oleh Rasulullah SAW dan diamalkan dengan lebih bersungguh-sungguh.


Dalam pada itu Ulwan (2015) juga menyarankan kaedah pendidikan yang berkesan daripada perspektif Islam ialah pendidikan melalui contoh teladan. Contoh teladan amat besar pengaruhnya dalam proses pembinaan peribadi seseorang individu terutama pelajar. Keteladanan mesti ditunjukkan oleh guru sama ada guru agama atau akademik, mereka perlu menjadikan diri mereka sebagai sumber teladan utama kepada pelajar. Ini dijelaskan lagi oleh kajian yang dilakukan oleh Masribanun Duki (2004) mendapati guru melaksanakan didikan dengan kaedah contoh teladan seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.

## **METODOLOGI**

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini berdasarkan analisis dokumen sorotan literatur dari kajian-kajian lepas. Analisis dokumen ini juga berdasarkan penelitian dari kitab mukadimah hasil tulisan cendekiawan Islam pada abad ke 14 iaitu Ibnu Khaldun (1332-1406). Gabungan daripada pengkaji Islam dan barat, maka terhasil satu kerangka konsep strategi yang boleh diguna pakai dalam membentuk iklim dini di sekolah.

## Kerangka konsep kajian

Hasil daripada penelitian ini terbentuk satu konsep baru berdasarkan pandangan sarjana Islam dan barat dalam membincangkan pengintegrasian teori ekologi persekitaran di sekolah dalam mendepani era revolusi industri 4.0. Ketiga-tiga strategi ini saling berkait rapat dan amat penting untuk di amalkan di sekolah bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang positif. Persekitaran sekolah yang positif akan terbentuk bukan hanya melalui aspek fizikal sahaja, malah aspek emosi dan juga rohani perlu dititik beratkan. Keseimbangan dalam ketiga-tiga strategi ini akan menghasilkan pembentukan buah solehah seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3: Kerangka Konseptual Integrasi Teori Ekologi Persekitaran

## KESIMPULAN

Hasil daripada pengintegrasian teori ekologi persekitaran ini dapat menemui tiga dimensi utama yang boleh dipraktikkan oleh semua pihak. Dimensi aktiviti, amalan dan teladan amat penting dalam mencorakkan dan mengamalkan budaya dan gaya hidup Islam sebagai aspek yang paling penting dan seimbang dari aspek dunia dan akhirat. Kesemua aspek tersebut boleh diguna pakai oleh semua tanpa mengetepikan agama lain. Islam agama *rahmatan lilalamin* yang boleh diikuti oleh semua orang tanpa mengetepikan agama lain. Semua pihak harus bekerjasama dalam mewujudkan suasana Islamik atau buah solehah. Tanpa kerjasama daripada semua pihak, suasana Islam tidak mungkin akan terjadi dengan sendirinya.

## IMPLIKASI

Implikasi daripada kajian ini dapat memberi panduan dalam sistem pendidikan negara pada hari ini. Kajian ini juga diharap dapat membuka jalan kepada pihak yang berwajib supaya mengambil inisiatif untuk mengkaji kriteria-kriteria penting bagi mewujudkan iklim di sekolah secara lebih berkesan dalam memantapkan lagi sahsiah diri pelajar-pelajar di samping mengejar pencapaian akademik yang cemerlang. Selain itu, guru-guru juga perlu diberi kefahaman tentang kepentingan penerapan nilai-nilai dan gaya hidup berlandaskan syariat Islamiah dalam kehidupan seharian supaya dapat dicontohi dan diaplikasikan oleh para pelajar.

## CADANGAN LANJUTAN

Kajian ini boleh dilanjutkan dalam penyelidikan dengan meneliti secara terperinci terhadap pembinaan program-program yang bersesuaian dengan ciri-ciri pembentukan biah solehah. Kajian seumpama ini juga boleh diperluaskan dengan menggunakan metode yang berbeza seperti menjalankan kajian secara empirikal kepada sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh Malaysia. Kajian ini juga boleh dilaksanakan sebagai satu kajian perbandingan antara sekolah-sekolah harian biasa dan sekolah berasrama penuh dan kajian tentang pembinaan modul amalan keagamaan juga boleh dilakukan oleh penyelidik di masa akan datang.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Tamuri. (2003). Peranan guru dalam memartabatkan SMKA. Seminar SMKA peringkat kebangsaan. Jabatan pendidikan Islam dan moral, Kuala Lumpur.
- Al-Attas, S. M. N. (1980). The Concept of Islamic Education. The Keynote Address Delivered at the First World Conference on Muslim Education, 1-16.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad Imam. (2003). *Ihya' Ulum ad-Din*, Jilid 2 dan 4. Kaaherah: Maktabah as Safa.
- Ahmad, N., & Khalid, F. (2017). Kesan Gamifikasi dalam Pendidikan Mempengaruhi Tahap Motivasi dan Penglibatan Pelajar. *Pembelajaran Abad Ke-21: Trend Integrasi Teknologi*, 157–163.
- Azlina, Baharuddin, Hasnah, Norasykin, & Zaleha. (2014). Flipped classroom dalam konteks Malaysia. *Konvensyen Antarabangsa JIWA Pendidik*.
- Bandura, A. (1973). Social learning theory of aggression. In J. F. Knutson (Ed.), *The control of aggression: Implications from basic research*. Chicago: Aldine.
- Berger, K.S. (2012). *The developing person through childhood* (6th edition). New York, NY: Worth Publishers
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press. (ISBN 0-674-22457-4)
- Bronfenbrenner, U. (2009). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press. ISBN 0-674-22457-4.
- Ceci, S.J. (2006). Urie Bronfenbrenner (1917–2005). *American Psychologist*, 61 (2), 173-174.
- Dede Paquette & John Ryan. (2001). Bronfenbrenner's Ecological Systems Theory.
- Grabato O.L., Mandah N.N.S. (2017). Influence of planned repetition skill on the academic performance of secondary school physics students in Khana LGA, River State, Nigeria. *Journal of education, society and behavioural science*, 22(3): 1-15.
- Harris, P.L. & Koenig, M.A. (2006). Trust in Testimony: How Children Learn About Science and Religion. *Child Development, Vol 77, Number 3: 505-524*.
- Hasnan Kasan. (2008). *Akhlak Pelajar Cemerlang*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

- Hepworth, D. H., Dewberry, R. G., Strom-Gottfried, K., & Larsen, J. A. (2010). *Direct social work practice: Theory and skills*. Pacific Grove: Brooks/Cole.
- Horton, P.B., & Hunt, C.L. (1964). *Sociology*. USA, McGraw-Hill Book Company.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (1967). *The Muqaddimah: an introduction to history*. Translated and introduced by Franz Rosenthal. New Jersey. Princeton University Press.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (2006). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Janzarli, Riyadh Salleh. (1991). *Al-Usul al-Islamiah li al-tarbiah*. Makkah: Umm al-Qura University Press.
- Kail, R. V., & Cavanaugh, J. C. (2010). *The Study of Human Development. Human Development: A Life-span View (5th ed.)*. Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.
- Low, S., & Van Ryzin, M. (2014). The moderating effects of school climate on bullying prevention efforts. *School Psychology Quarterly*, 29(3), 306–319.
- Mahi Din Sari. (1998). Iklim Dini di Sekolah. *Jurnal Dakwah* 1 (1): 33-47.
- Malinen, O. P., & Savolainen, H. (2016). The effect of perceived school climate and teacher efficacy in behavior management on job satisfaction and burnout: A longitudinal study. *Teaching and Teacher Education*, 60, 144–152.
- Marlowe E. Trance, Kerstin O. Flores. (2014). " Child and Adolescent Development" Vol. 32. no. 5.9407.
- Masribanun Duki. (2004). *Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru pendidikan Islam: satu kajian di Daerah Kuala Selangor*. Tesis Sarjana Pendidikan UKM. Tidak diterbitkan.
- Matthew K. Burns, Kristy Warmbold-Brann, and Anne F. Zaslofsky (2015) *Ecological Systems Theory in School Psychology Review*. *School Psychology Review*: Vol. 44, (3), 249-261.
- McGuire, J. K., Anderson, C. R., Toomey, R. B., & Russell, S. T. (2010). School Climate for Transgender Youth: A Mixed Method Investigation of Student Experiences and School Responses. *Journal of Youth and Adolescence*, 39(10), 1175–1188.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Husaina Banu Khanayatullah, Saedah Siraj, Zuraidah Abdullah, Faisol Elham, Maszuria A. Ghani, Amalina Ayub. (2017). Masalah Disiplin Pelajar Islam: Strategi dan Penyelesaian Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam. *Jurnal Hadhari*, 9(1), 91–110.
- Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh. (2018). Strategi iklim dini dalam membentuk kemenjadian pelajar di sekolah menengah agama: satu sorotan analisis. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, 7-8 November 2018. 1459-1464.
- Sheldon S.B. & Epstein J.L. (2002). Improving Student Behavior and School Discipline with Family and Community Involvement. *Education and Urban Society* 35(1):4-26.
- Ulwan, Abdullah Nasih. (2015). *Tarbiyah al-Aulad fi Al-Islam*. Kaherah: Dar al Salam

Usman, I. (2013). Kepribadian, Komunikasi, Kelompok Teman Sebaya, Iklim Sekolah dan Perilaku Bullying. *Humanitas*, 10(1), 49–60.